

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' TUAN IBRAHIM TUAN MAN**  
**[KUBANG KERIAN]**

**SOALAN NO. 441**

**Y.B. DATO' TUAN IBRAHIM TUAN MAN [ KUBANG KERIAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan angka rasmi hutang negara setakat 30 Jun 2019 berbanding 30 April 2018 dan jumlah wang yang dipinjam oleh Kerajaan dengan pengeluaran sukuk dan bon Samurai daripada bulan ke bulan sejak Pakatan Harapan memerintah negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara keseluruhan, hutang dan liabiliti kerajaan adalah berjumlah RM1.1 trilion, atau sekitar **75% berbanding Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)** pada akhir tahun 2018. Jumlah ini mengambil kira hutang langsung kerajaan, komitmen jaminan yang ditanggung dan dibiayai oleh Kerajaan, serta liabiliti lain termasuk bayaran pajakan kewangan (*finance lease*) dan hutang syarikat 1MDB. Kedudukan hutang dan liabiliti kerajaan untuk tahun 2018 telah turun sebanyak 4 mata peratusan daripada 79% pada tahun 2017.

2. Kedudukan hutang langsung Kerajaan Persekutuan yang dikawal selia di bawah akta-akta pinjaman iaitu Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637], Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403], dan Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188] adalah **sebanyak 51% KDNK** pada akhir-2018, iaitu kekal di bawah paras 55% daripada KDNK.

3. Komitmen jaminan yang ditanggung dan dibiayai Kerajaan adalah sebanyak **9% berbanding KDNK** bagi akhir tahun 2018. Ia terdiri daripada tanggungan hutang sebahagian syarikat berkaitan Kerajaan yang menerima Jaminan Kerajaan bagi melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan awam dan utiliti.

4. Bayaran pajakan kewangan dan liabiliti lain seperti 1MDB pula adalah sebanyak **15% berbanding KDNK** pada akhir 2018.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Bagi hutang langsung Kerajaan Persekutuan secara khususnya, ia telah meningkat kepada RM741 bilion atau 51% berbanding KDNK (akhir-2017: RM686.8 bilion; 50.1% KDNK). Kedudukan ini adalah selepas mengambil kira

## **NO SOALAN : 441**

jumlah pinjaman kasar sebanyak RM131.6 bilion, merangkumi terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) RM51 bilion, Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) RM64.3 bilion, Bil Perbendaharaan RM16.2 bilion dan pinjaman projek RM36 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak RM54 bilion telah diterbitkan mulai awal Januari sehingga pilihan raya umum ke-14, manakala baki sebanyak RM77.6 bilion telah diterbitkan selepas 9 Mei 2018. Kerajaan juga telah membuat bayaran balik hutang pokok yang matang sebanyak RM22.1 bilion dalam tempoh Januari - April 2018 dan RM55.4 bilion dalam tempoh Mei - Disember 2018.

6. Bagi tahun 2019 pula, sehingga akhir-Jun 2019, hutang langsung Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM799.1 bilion. Jumlah hutang meningkat sebanyak RM58.1 bilion berbanding akhir Disember 2018 (RM741 bilion) berikutan Kerajaan perlu menampung pembiayaan defisit pada suku pertama dan kedua 2019 serta membuat *prefunding* bagi kertas hutang yang akan matang pada dua suku terakhir 2019.

7. Untuk makluman, jumlah pinjaman kasar bagi enam bulan pertama 2019 adalah sebanyak RM81.3 bilion, merangkumi RM31 bilion terbitan MGS, RM36 bilion terbitan MGII, RM6.5 bilion terbitan Bil Perbendaharaan dan RM7.8 bilion pinjaman luar pesisir merangkumi terbitan Bon Samurai dan pinjaman projek. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM23.3 bilion adalah untuk membiayai semula hutang yang matang manakala RM22.4 bilion untuk membiayai defisit fiskal Kerajaan. Baki sebanyak RM35.6 bilion akan digunakan untuk membiayai semula hutang yang akan matang dalam tempoh Julai - Disember serta defisit fiskal.